

03 APR 2002

Keganasan-Umno/I

PERANAN M'SIA BANTERAS KEGANASAN TERIMA PENGIKTIRAFAN, KATA PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Peranan Malaysia dalam membanteras keganasan bukan sahaja menerima pengiktirafan anggota-anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tetapi juga masyarakat antarabangsa.

Menurut Setiausaha Pemuda Umno Zulkifli Alwi, Deklarasi Kuala Lumpur mengenai keganasan adalah signifikan kerana Malaysia kini dilihat sebagai sebuah negara Islam yang konsisten dalam komitmennya untuk membanteras keganasan antarabangsa.

Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) meluluskan deklarasi 17-perkara selepas sesi khas tiga hari mengenai keganasan yang berakhir di sini, hari ini.

Deklarasi itu yang diluluskan sebulat suara menunjukkan usaha kolektif untuk bertindakbalas terhadap perkembangan yang menjejaskan negara-negara Islam selepas serangan 11 Sept di Amerika Syarikat tahun lepas, kata beliau kepada Bernama.

"Sesi itu signifikan dengan anggota-anggota OIC telah turun padang untuk menunjukkan sokongan padu dan juga menyatakan penghargaan mereka kepada kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata Zulkifli yang menghadiri sesi hari terakhir.

Beliau percaya yang perwakilan OIC akan pulang dan merujuk balik kepada deklarasi itu dan kenyataan Dr Mahathir akan digunakan bagi perbincangan di masa depan.

Ditanya pendapat beliau sama ada deklarasi itu akan menghantar isyarat tegas ke dunia Barat, Zulkifli berkata ia mesej yang tegas dan tidak boleh dipandang remeh khasnya oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

-- BERNAMA

DC ZS PR